



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI SELASA, 28 REJAB 1443 / 01 MAC 2022  
(HARI KELIMA)**

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

- 2.1.1. Mesyuarat telah menyambung membahaskan Tajuk SJ01A Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- 2.1.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:
- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:
    - Ingin mengetahui jika ada usaha sudah untuk mengadakan sistem slot secara penomboran ke atas beberapa buah tanah perkuburan serta perkembangan kepada perkara tersebut.
    - Ingin mengetahui usaha di dalam memastikan kawasan tanah perkuburan adalah mematuhi peraturan-peraturan keselamatan, persekitaran, serta kebersihannya.
    - Mencadangkan untuk maklumat tanah perkuburan dapat diakses secara menggunakan sistem teknologi maklumat untuk pengurusan tanah perkuburan, memperbaiki sistem wakaf dan pengurusannya.
  - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;
    - Mencadangkan agar Negara Brunei Darussalam membuat perundingan dengan pihak kerajaan Arab

Saudi untuk menetapkan kuota di setiap musim haji sebanyak 2,000 orang.

- iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon;
  - Ingin mengetahui jika wakaf akan diurus tadbir oleh jabatan khusus atau dibawah satu badan bukan kerajaan seperti badan Tanmiah dan apakah strategi wakaf yang akan bakal diperkenalkan nanti.
  - Ingin mengetahui cara/peraturan pengendalian harta wakaf.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Ramli Bin Lahit;
  - Ingin mengetahui jika ada perancangan untuk membanyakkan pengeluaran novel yang berunsurkan keislaman di masa akan datang.
  - Mencadangkan agar novel-novel yang berunsur keislaman dapat diedarkan di perpustakaan sekolah-sekolah dan dijadikan drama bersiri.
  - Mencadangkan agar dapat mengekalkan seni keugamaan Brunei dan ilmu sastera yang berunsurkan keislaman dan diharapkan untuk mengadakan inisiatif seperti "1 Pelajar, 1 Dikir".
- v. Yang Berhormat Awang Naim Bin Haji Kamis;
  - Mencadangkan agar buku-buku teks dan pelajaran sekolah ugama disalurkan secara talian dan dijadikan sebagai sebuah "e-book" ataupun buku digital untuk kemudahan para pelajar.
- vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman;
  - Mencadangkan bagi surau di Lapangan Terbang Antarabangsa dibukakan untuk Solat Fardhu Jumaat.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin;
  - Memohon agar jawatan-jawatan sebagai bilal, marbut dan pembersih untuk ditawarkan bagi kemudahan masjid-masjid di seluruh negara.
  - Mencadangkan agar penggapai-penggapai untuk tersedia di setiap mukim.
  - Mencadangkan agar pengajian tingkatan 3 di Sekolah Arab Kuala Belait diadakan dan dilakukan secara dalam talian.

- viii. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu;
- Ingin mengetahui usaha atau inisiatif untuk memperbetulkan persepsi pengguna aplikasi *Reddit* dan sejauh mana kandungan dalam aplikasi tersebut telah mempengaruhi pandangan-pandangan golongan belia terutama yang beragama Islam.
  - Berpendapat agar pihak-pihak berkenaan mewujudkan laman sesawang dan media sosial yang aktif bagi menangani isu semasa yang berkaitan dengan agama dan menyediakan info-info sebagai sumber rujukan.
- ix. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari;
- Mencadangkan agar perbelanjaan pembinaan masjid dapat diperuntukkan untuk tandas wanita yang tidak tertutup dengan sempurna bagi menjaga aurat wanita.
  - Mencadangkan agar reka bentuk tandas masjid dapat menjadi lebih praktikal bagi yang berkelainan upaya dan warga emas.
- x. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung;
- Mencadangkan bagi masjid-masjid dijadikan sebagai masjid mesra *digital*.
  - Menyarankan agar pengurusan aktiviti masjid-masjid lebih berterusan dan dipelbagaikan dengan cara digital dan teknologi informasi dan komunikasi (ICT).
  - Mencadangkan pembekalan masjid-masjid dengan kemudahan digital dan ICT.
  - Mencadangkan peningkatan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangan masjid melalui latihan-latihan yang sesuai.

2.1.3. Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

## **2.2. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.
- 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

2.2.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad;
  - Mencadangkan untuk mempersiapkan negara untuk lebih menjadi *pedestrian-friendly*.
  - Menyarankan pihak Kementerian untuk memperkenalkan atau meningkatkan penguatkuasaan kepada panduan-panduan *building connectivity* mengikut piawaian-piawaian yang bersesuaian.
- ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;
  - Ingin mengetahui jika hasil sampingan *refinery* minyak mentah dapat menghasilkan minyak *asphalt* yang mencukupi dan jika Syarikat Hengyi menyediakan bekalan minyak *asphalt* bagi penggunaan domestik.
  - Ingin mengetahui jika pihak Kementerian merancang untuk meningkatkan teknologi penurapan jalan raya yang mempunyai daya serap air untuk mengelakkan takungan air di musim hujan.
- iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon;
  - Memohon pencerahan mengenai beberapa projek yang terjejas dan tidak dapat dilaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan memandangkan perkara ini berkait rapat dengan Wawasan 2035.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @Sabli bin Haji Arsad;
  - Mencadangkan agar dapat menujuhkan satu unit pembangunan usahawan tempatan di Kementerian Pembangunan dalam usaha bagi menjayakan dan membangunkan penglibatan usahawan tempatan.
- v. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii;
  - Memohon pencerahan tentang pencapaian terkini pihak Kementerian khususnya mengenai *Local Business Development* (LBD).
- vi. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit;
  - Ingin mengetahui tentang mekanisme atau usaha-usaha yang terkini agar perkhidmatan kepada orang

ramai termasuk setiap permohonan dapat dilaksanakan dengan cepat dan berjimat.

- vii. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu;
- Ingin mengetahui jika terdapat inisiatif bagi mewujudkan skim perumahan untuk golongan belia dan perancangan untuk membina rumah bagi golongan yang mempunyai tanah namun berpendapatan rendah.
- viii. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman;
- Ingin mengetahui perancangan pihak berkenaan agar pembayaran balik skim perumahan tidak terjejas bagi yang berkhidmat di dalam sektor awam dan swasta yang menerima gaji bulanan melalui skim TAP dan pencen tua.
  - Menyoalkan langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan air bersih dan meminta komen mengenai kualiti *standard* air minuman.
  - Menyoalkan jika pihak Jabatan Buruh dapat mencari jalan untuk menyelesaikan kesulitan dalam mendapatkan sijil Pemeriksaan Kesiapan (OP) Kemajuan tanpa penglibatan arkitek.
- ix. Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari;
- Ingin mengetahui perancangan jangka panjang bagi pengurusan sampah di negara ini.
  - Mencadangkan agar dapat membuat pengumpulan sampah kitar semula secara sistematik dalam seminggu sekali untuk setiap rumah di kawasan Rancangan Perumahan Negara kerana reka bentuknya yang praktikal bagi syarikat kitar semula.
- 2.2.4. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A – Kementerian Pembangunan telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.
-

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2:30 PETANG]**

---

**2.3. KEMENTERIAN KESIHATAN**

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM01A.
- 2.3.2. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan hala tuju anggaran perbelanjaan Kementerian Kesihatan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.3.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
  - i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad;
    - Menyarankan untuk menegaskan kawalan agar pembawaan rokok dan rokok elektronik yang tidak berdaftar dan diperoleh secara haram dapat dihindari.
    - Mencadangkan untuk merampas rokok dan rokok elektronik yang tidak berdaftar bagi orang yang didapati merokok di pejabat-pejabat atau tempat awam.
  - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;
    - Ingin mengetahui sekiranya keperluan mesin-mesin pengimbas seperti *Magnetic Resonance Imaging* (MRI) mencukupi di Negara Brunei Darussalam.
  - iii. Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu;
    - Ingin mengetahui jika ada perancangan untuk menaiktarafkan lagi infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di hospital-hospital kerajaan khususnya Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong agar sesuai dengan keperluan perubatan moden.
    - Mengambil maklum perancangan bagi menaiktaraf Unit Kemalangan dan Kecemasan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan berharap agar projek

tersebut akan memberi manfaat dalam jangka masa yang panjang bagi penduduk di daerah Belait.

- iv. Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh;
- Mencadangkan agar butir-butir dana *COVID-19 Relief Fund* itu diterbitkan kepada umum supaya dapat memberi keyakinan kepada penderma untuk memberi gambaran kepada orang ramai tentang kesan wabak *COVID-19* dari segi kewangan dan perkhidmatan kesihatan.

2.3.4. Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

#### **2.4. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

- 2.4.1. Jawatankuasa telah menimbulkan tajuk dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A.
- 2.4.2. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.4.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:
- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad;
    - Menyoalkan jikalau peruntukan bagi pemberigaan dan promosi bahasa di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka boleh mencapai objektif-objektif yang ditetapkan memandangkan keseluruhan peruntukan ini adalah untuk pembayaran gaji kakitangan.
    - Ingin mengetahui pencapaian terkini dan inisiatif-inisiatif pihak Kementerian berkenaan penulis kreatif di kalangan penulis-penulis muda.
  - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;
    - Mencadangkan untuk setiap perhimpunan rasmi yang objektifnya untuk menyampaikan kepada rakyat Brunei supaya dibuat dalam Bahasa Melayu.
    - Ingin mengetahui setakat mana usaha pihak kementerian dalam menggalakkan dan memperkasa industri sukan dalam membuat tawaran penyediaan tapak dan kemudahan sukan kepada pelabur-pelabur.

- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim;
    - Memohon pencerahan mengenai projek pembinaan galeri seni dan mencadangkan agar peruntukan bagi projek seni budaya yang pernah diajukan untuk dimasukkan ke dalam Rang Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2022/2023 dan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke-12.
  - iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman;
    - Menyoalkan keberkesanan dalam membangun dan menjamin kehidupan kaum hawa iaitu ibu tunggal serta mencadangkan untuk membuat skim latihan dan bimbingan perniagaan melalui bantuan model perniagaan.
    - Ingin mengetahui usaha pihak yang bertanggungjawab dalam menangani isu permohonan bantuan perumahan bagi anak-anak yatim dan golongan yang berpendapatan rendah.
    - Menyarankan agar pihak kementerian membuat pemantauan pada setiap acara sukan yang dianjurkan pada bulan Ramadhan dan seterusnya ingin mengetahui jika ada garispandu yang dikeluarkan khusus bagi para pengajur acara sukan di negara ini.
    - Mencadangkan agar pihak berkenaan mengadakan satu perintah kepada pihak pawagam iaitu Perintah Wajib Tayang bagi menyokong filem-filem tempatan.
- 2.4.4. Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

---

**[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA RABU, 02 MAC 2022 JAM 9.30 PAGI]**

---